

30 DEC 1999

Mahathir-Alaf

AGAMA MASIH MAINKAN PERANAN DI ALAF BARU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata agama akan terus mempunyai peranan pada abad ke-21 kerana tanpa kepercayaan kerohanian adalah diragui bahawa manusia dapat menangani pelbagai cabaran pada alaf baru tanpa menjadi berat sebelah.

"Kini kita menyaksikan satu perubahan ke arah kebendaan sepenuhnya di Barat, apabila kekayaan semata-mata dianggap akan membawa kebahagiaan dan kualiti hidup yang lebih baik," kata Perdana Menteri semasa merasmikan "Persidangan Antarabangsa Pengajian Keagamaan: Menghadapi Alaf Baru" di Hotel Palace of the Golden Horses Hotel.

Dr Mahathir berkata pencarian bagi kekayaan yang tidak terhad oleh mereka yang tamak boleh memusnahkan kesejahteraan hidup dan tanpa agama manusia akan menjadi putus asa.

"Dengan ditenteramkan oleh kepercayaan kerohanian kita, kita mampu menghadapi masalah kebendaan dalam hidup kita, untuk memahaminya dan menanganinya," katanya.

Mempercayai bahawa agama tidak boleh digantikan oleh ideologi-ideologi yang direka oleh manusia, Dr Mahathir berkata: "Agama menurut Karl Marx ialah candu hidup. Tetapi agama akan terus hidup dan akan terus hidup lama selepas Marx dan ideologinya dimuatkan dalam buku-buku sejarah".

Dr Mahathir juga bercakap mengenai bagaimana Islam telah disalah faham oleh bukan sahaja di kalangan bukan Islam tetapi juga di kalangan orang Islam sendiri.

Sambil menyifatkan Islam sebagai agama yang aman kerana perkataan Islam berasal daripada perkataan Arab bagi aman, Dr Mahathir berkata salah faham oleh orang Islam mengenai agama mereka telah menimbulkan halangan yang besar bagi orang bukan Islam mendapatkan akses kepadanya.

Dr Mahathir berkata manifestasi lain mengenai kurangnya kefahaman mengenai Islam di kalangan orang Islam termasuk penolakan konsep Islamik dan kepercayaan bahawa semua orang Islam adalah bersaudara.

"Hari ini dengan kemunculan parti-parti politik, anggota beragama Islam parti politik tertentu dikutuk sebagai bukan orang Islam yang sebenarnya dan dilayan lebih teruk daripada bukan Islam oleh anggota parti-parti politik pembangkang," katanya.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai sekatan terhadap orang Islam di seluruh dunia dan bagaimana sejarawan Barat telah memutar-belitkan fakta mengenai Islam dengan mendakwa kononnya agama itu disebar menerusi mata pedang, menyebabkan orang Islam dilabel sebagai pengganas.

Beliau berkata orang-orang Arab belajar kaedah keganasan daripada orang Eropah yang bertanggungjawab melakukan rampasan pertama kapal terbang komersil dan pengeboman di Ireland Utara.

"Pada 60-an dan awal 70-an kumpulan pengganas banyak sekali di Eropah. Kumpulan Baader-Meinhof adalah satu daripadanya," kata beliau dan menambah kata bahawa tidak lama kemudian orang Arab mencontohi kaedah keganasan seumpama itu dan dilabelkan sebagai pengganas Islam.

"Pelabelan ini merupakan manifestasi betapa kurangnya kefahaman mengenai Islam," kata beliau.

Beliau turut bercakap mengenai kejatuhan empayar Turki yang direncanakan oleh orang Eropah yang telah membangkitkan sentimen nasionalisme di kalangan penduduk Turki berbangsa Arab.

-- BERNAMA

ARA HS RHM

